

03/05/2003

Pengarang Harakah didapati bersalah terbit berita menghasut

Munira Yusoff

KUALA LUMPUR: Pengarang lidah rasmi Pas, Harakah, Zulkifli Sulong semalam dijatuhi hukuman denda RM5,000 selepas didapati bersalah menerbitkan berita berunsur hasutan pada 1999.

Hakim Mahkamah Sesyen, Rosenani Abdul Rahman juga memerintahkan Zulkifli, 40, dipenjara enam bulan jika gagal membayar denda itu. Zulkifli membayar denda itu sebaik prosiding tamat.

Dalam keputusannya, Rosenani berkata, beliau berpuas hati artikel yang menjadi subjek tuduhan ke atas Zulkifli mempunyai kecenderungan menghasut dan tertuduh adalah orang yang bertanggungjawab menerbitkannya.

Zulkifli dihadapkan ke mahkamah pada 13 Januari 2000 atas tuduhan menerbitkan rencana hasutan membabitkan jentera kerajaan yang menjalankan siasatan dan pendakwaan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Rencana bertajuk Liputan Pengakuan Sukma Hina Dan Jahat - Dr Chandra itu disiarkan pada halaman 40 Harakah keluaran 2 Ogos 1999.

Antara lain artikel itu mengandungi perenggan berbunyi: 'Adalah memalukan bahawa elemen-elemen dalam pasukan polis, pejabat Peguam Negara, mahkamah dan media bersedia diperalatkan dalam konspirasi yang terbesar yang dirancang oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan konconya.'

Dia dituduh melakukan kesalahan itu di 28A, Jalan Pahang Barat off Jalan Pahang, di sini, pada atau sekitar 2 Ogos 1999 dan didakwa mengikut Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan 1948 (Akta 15), yang membawa hukuman maksimum denda RM5,000 atau penjara tiga tahun atau kedua-duanya.

Zulkifli sebelum ini dibebaskan atas jaminan RM5,000 oleh seorang penjamin.

Sebelum itu, dalam rayuan bagi meringankan hukuman peguam Zamani Ibrahim yang mewakili tertuduh memohon mahkamah mengambil kira kepentingan awam dan keadaan kes itu.

"Kes ini membabitkan kebebasan media, malah hari ini juga ramai wakil media yang hadir di mahkamah. Negara kita juga adalah negara yang demokratik.

"Saya mohon mahkamah memberi hukuman denda tanpa penjara kerana seksyen yang digunakan dalam tuduhan terhadap anak guam saya memberi keutamaan pada hukuman denda," katanya.

Timbalan Pendakwa Raya Shahrizal Shaari memohon hukuman lebih berat kerana kesalahan tertuduh yang dianggap berat.

Zulkifli dihadapkan ke mahkamah bersama pencetak akhbar itu, Chea Lim Thye, 62, yang kemudian didenda RM4,000 selepas mengaku salah atas tuduhan mencetak artikel berbentuk hasutan pada 22 Mei 2000.